





TANGGUNGJAWAB PERCUKAIAN Individu (Perniagaan)

KEMASKINI PADA 31/01/2025

PORTAL RASMI:

<https://www.hasil.gov.my/eduzone>



PEMBANGUNAN

KESIHATAN

INFRASTRUKTUR

**PERTANIAN &
INDUSTRI**

PENDIDIKAN

SUBSIDI

KEBAJIKAN

**KEMUDAHAN
AWAM**

**PERTAHANAN &
KESELAMATAN**

**BANTUAN KHAS
KERAJAAN**



1. LAYANAN PERCUKAIAN: INDIVIDU BERPENDAPATAN
PERNIAGAAN
2. TANGGUNGJAWAB CUKAI
 - a) Bayaran Ansuran CP500
 - b) Penyediaan Penyata Kewangan
 - c) Melaporkan Pendapatan
 - d) Bayar Cukai Pendapatan
3. SENARIO INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN
4. PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT HASIL



LAYANAN PERCUKAIAN

Individu Berpendapatan Perniagaan

Seksyen 4(a) ACP 1967

Individu yang menjalankan:

- Perniagaan
- Perdagangan
- Pencarian
- Profesion

Perniagaan terdiri daripada:

- Milikan Tunggal /Bekerja Sendiri
- Perkongsian
- Individu Yang Menjalankan Profesion dan Pencarian



SIAPAKAH INDIVIDU BERPENDAPATAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB PERCUKAIAN
INDIVIDU (PERNIAGAAN)



Konsep: Hubungan ejen dan prinsipel
Kawalan: Tidak wujud kawalan
Berkuasa untuk membuat keputusan penggantian pekerja
Berisiko bankrup sekiranya perniagaan gagal
Kelebihan memperolehi keuntungan perniagaan
Memiliki perkakasan perniagaan
Pendapatan perniagaan dikenakan cukai di bawah S4 (a)
Pendapatan tertakluk kepada bayaran ansuran CP500



Konsep: Hubungan tuan dan orang suruhan
Kawalan: Kawalan oleh majikan
Tidak berkuasa menggantikan pekerja
Risiko kehilangan pekerjaan
Kemudahan Penggajian: EPF, bayaran gaji, bayaran cuti gantian
Perkakasan pekerjaan disediakan oleh majikan
Pendapatan penggajian dikenakan cukai di bawah S4 (b)
Pendapatan tertakluk kepada Arahan Potongan Cukai Bulanan (PCB)

01

Melaporkan pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan sebagai pendapatan perniagaan dalam borang nyata.

02

Menuntut perbelanjaan perniagaan yang digunakan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan perniagaan

03

Pengiraan cukai pendapatan berdasarkan pendapatan bersih (Jualan tolak Perbelanjaan)

04

Pendapatan perniagaan merupakan sebahagian daripada pendapatan individu dan dikenakan cukai pada kadar cukai pendapatan individu

TANGGUNGJAWAB CUKAI

Individu Bekerja Sendiri



1
e-Daftar



Mendaftar Nombor Pengenalan Cukai (TIN) menggunakan e-Daftar

2
Patuh
CP500



Patuh CP500 yang dikeluarkan dan maklumkan LHDNM jika terdapat perubahan amaun

3
Sedia Penyata
Kewangan



Sediakan Penyata Kewangan bagi tempoh (1 Jan-31 Dis) dan mengira pendapatan dengan menolak hasil jualan dengan belanja boleh dibenarkan.

4
Borang B



Melaporkan pendapatan perniagaan menggunakan Borang Nyata yang ditetapkan sebelum 30 Jun

5
ByrHASiL



Bayar cukai pendapatan (jika ada) sebelum 30 Jun menggunakan ByrHASiL

6
Simpan rekod



Simpan rekod perniagaan untuk tempoh 7 tahun bagi pembuktian pelaporan Borang Nyata.

TANGGUNGJAWAB CUKAI

Bayaran Ansuran CP500

JADUAL ANSURAN		
NO. ANSURAN	TARIKH KENA BAYAR	AMAUN (RM)
PERTAMA	01.03.2023	180.00
KEDUA	01.05.2023	180.00
KETIGA	01.07.2023	180.00
KEEMPAT	01.09.2023	180.00
KELIMA	01.11.2023	180.00
KEENAM	01.01.2024	100.00

- Instrumen bayaran pendahuluan bagi **individu yang menerima pendapatan selain penggajian** seperti perniagaan, sewa dan royalti.
- Amaun minimum CP500 iaitu RM300.00.
- Bayaran **6 kali setahun (dwi-bulanan) bermula Mac** setiap tahun.
- Pembayar cukai diberi **tempoh 30 hari** dari tarikh kena bayar bagi menjelaskan ansuran yang telah ditetapkan.
- TIDAK termasuk pendapatan penggajian kerana ianya telah tertakluk kepada potongan cukai berjadual (PCB).

Anggaran oleh KPHDN ke atas individu berpendapatan perniagaan

Individu Yang
Jalankan Perniagaan

Fail IG

Harta Pesaka

Fail TP

Kelab & Persatuan

Fail TF

Keluarga Sekutu Hindu

Fail TJ

✓ CP500 dikeluarkan secara berkelompok
selewat-lewatnya pada Februari

✓ PC boleh memohon CP500 sekiranya
tidak diterima selepas bulan Februari
untuk dikeluarkan secara manual



TANGGUNGJAWAB CUKAI

Penyediaan Penyata Kewangan



Penyata kewangan adalah sejenis penyata yang **merekodkan segala jenis transaksi urusan perniagaan.**

Tujuannya adalah untuk **mengetahui kedudukan kewangan sesebuah perniagaan** pada hujung sesuatu tempoh perakaunan.

Penyata kewangan dan dokumen sokongan berkaitan akan dijadikan rujukan semasa semakan **Audit Cukai.**


TINDAKAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

1



Menyediakan
template
excel untuk
rekod
transaksi
perniagaan

2



Rekodkan
transaksi
keluar masuk
setiap hari

3



Kompilasi
rekod harian
tersebut
kepada rekod
bulanan

4



Membuat
pelarasan
dan tutup
akaun setiap
bulan.

5



Membuat
kompilasi
akaun bulanan
untuk tempoh
setahun – 1 Jan
sehingga 31 Dis.

SUMBER PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

- » Penyata bank
- » Penyata keluar masuk duit
- » Invois dari pembekal dan invois jualan kepada pelanggan
- » Baucar pembayaran (payment voucher) bagi setiap pembayaran yang dilakukan
- » Resit-resit: Petrol, tol, belanja keraian, alat tulis dan sebagainya
- » Borang tuntutan (Claim form) – Jika guna wang peribadi untuk perniagaan
- » Penyata KWSP dan SOCSO
- » Lain-lain dokumen: Surat tawaran pinjaman bank, dokumen pembelian aset dan sebagainya

PENYATA KEWANGAN

terkandung:

- ☒ Penyata Pendapatan
- ☒ Kunci Kira-Kira
- ☒ Penyata Aliran Tunai

Bulan															Jumlah
TUNAI MASUK	PraOperasi	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	Tahun 1	
Jualan Tunai		5,000	5,000	10,000	12,000	12,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	155,000	
Dana Pemilik	15,000													15,000	
Pinjaman		15,000		10,000		25,000								50,000	
JUMLAH TUNAI MASUK	15,000	20,000	5,000	20,000	12,000	37,000	12,000	15,000	15,000	15,000	18,000	18,000	18,000	220,000	
TUNAI KELUAR															
Pendaftaran Perniagaan	70													70	
Latihan & seminar	1,000													1,000	
Deposit Sewaan	2,400													2,400	
Deposit Utiliti	200													200	
Deposit Telefon	200													200	
Lesen Pihak Berkuasa	200													200	
Komputer		2,000												2,000	
Mesin faks		450												450	
Mesin #1		3,000												3,000	
Peralatan #2		2,000												2,000	
Perabot		5,000												5,000	
Pendingin hawa		1,000												1,000	
Pengubahsuaian (**)		10,000												10,000	
Promosi	500													500	
Gaji		3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	3,800	45,630	
KWSP & SOCSO		532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	532	6,384	
Sewaan Pejabat		1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	1,200	14,400	
Air & Elektrik		200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	200	2,400	
Telefon & Internet		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800	
Percetakan & Alat tulis		100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	100	1,200	
Pengangkutan		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800	
Petrol, Tol & Parkir		120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	120	1,440	
Baik pulih & Penyelenggaraan		300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	300	3,600	
Lain-lain		150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	150	1,800	
Stok Awal	6,000	2,500	2,500	5,000	6,000	6,000	6,000	7,500	7,500	7,500	9,000	9,000	9,000	77,500	
Pembayaran Semula Pinjaman								1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	1,500	9,000	
JUMLAH TUNAI KELUAR	10,570	32,652	9,202	11,702	12,702	12,702	12,702	15,702	15,702	15,702	17,202	17,202	17,202	200,944	
Lebihan / (Defisit)	4,430	(12,652)	(4,202)	8,298	(702)	24,298	(702)	(702)	(702)	(702)	798	798	798	19,056	
Baki daripada bulan sebelumnya	-	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,217)	(4,828)	19,470	18,768	18,066	17,364	17,460	18,258	19,056		
Baki bawa ke hadapan	4,430	(8,222)	(12,424)	(4,126)	(4,828)	19,470	18,768	18,066	17,364	16,662	17,460	18,258	19,056		

CONTOH PENYATA PENDAPATAN

ANGGARAN UNTUNG DAN RUGI BAGI TAHUN BERAKHIR 31/12/2016

PENDAPATAN		RM 165,000
KOS JUALAN		
Stok Awal	RM 6,000	
Pembelian (+)	RM 82,500	
Stok Akhir (-)	RM 00.000	
Kos Produk Dijual	(-) RM 88,500	
KEUNTUNGAN KASAR		RM 76,500
PERBELANJAAN OPERASI		
Pendaftaran Perniagaan	RM 70	
Latihan & Seminar	RM 1,000	
Lesen Pihak Berkuasa	RM 200	
Promosi	RM 500	
Gaji	RM 45,600	
KWSP & SOCSO	RM 6,384	
Sewaan Pejabat	RM 14,400	
Air & Elektrik	RM 2,400	
Telefon & Internet	RM 1,800	
Percetakan & Alat tulis	RM 1,200	
Pengangkutan	RM 1,800	
Petrol, Tol & Parkir	RM 1,440	
Pembaikpulihan	RM 3,600	
& Penyelenggaraan		
Lain-lain	RM 1,800	
Susut Nilai	RM 3,645	
JUMLAH PERBELANJAAN OPERASI	(-) RM 85,839	
UNTUNG / RUGI BERSIH (sebelum cukai)	RM (9,339)	

CONTOH PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan		XXXX	
(-) Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		(XXX)	XXXX
Perabot		XXXX	
(-) Susut Nilai Terkumpul Perabot		(XXX)	XXXX
Kelengkapan		XXXX	
(-) Susut Nilai Terkumpul Kelengkapan		(XXX)	XXXX
Jumlah Aset Bukan Semasa			XXXXX
Aset Semasa			
Tunai Di Tangan		XXXX	
Tunai Di Bank		XXXX	
Penghutang	XXXX		
(-) Peruntukan Hutang Ragu	(XXX)	XXXX	
Stok Akhir		XXXX	
Belanja Terdahulu		XXXX	
Hasil Terakru		XXXX	
Simpanan Tetap		XXXX	
Jumlah Aset Semasa		XXXXX	
(-) Liabiliti Semasa			
Pemiutang		(XXXX)	
Belanja Terakru		(XXXX)	
Hasil Terdahulu		(XXXX)	
Overdraf Bank		(XXXX)	
Modal Kerja			XXXXX
			XXXXXXXX
Ekuiti Pemilik			
Modal Awal			XXXXX
(+) Untung Bersih			XXXXX
(-) Rugi Bersih			(XXX)
(-) Ambilan			(XXX)
Modal Akhir			XXXXX
Liabiliti Jangka Panjang			
Pinjaman			XXXXX
Gadai Janji			XXXXX
			XXXXXXXX

TANGGUNGJAWAB CUKAI


Melaporkan pendapatan

Kira Jumlah Pendapatan	Pendapatan perniagaan	XXXX	
	Penggajian - gaji dan bonus	XXXX	
	Pendapatan lain - Sewa, royalti dan lain-lain	XXXX	
	Pendapatan Agregat	XXXXXX	
Kira Pendapatan Dikenakan Cukai	Tolak : Pengecualian cukai	(XX)	
	Potongan dibenarkan	(XX)	
	Jumlah Pendapatan	XXXXXX	
	Tolak : Pelepasan cukai	(XXX)	
Kira Cukai Pendapatan	Pendapatan Bercukai	XXXXXX	
	<u>Pengiraan Cukai Pendapatan:</u> <i>(Berdasarkan jadual kadar cukai)</i>		
	Jumlah Cukai Pendapatan	XXXX	
	Tolak : Rebat cukai	(XXX)	
Cukai Pendapatan yang perlu dibayar	Jumlah Cukai Dikenakan	XXX	

PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN	
Untung Bersih	XXXXXX
Tambah : Belanja tidak dibenarkan	XXX
Tolak: Potongan cukai dua kali	(XXX)
	XXXXXX
Tolak : Elaun Modal	(XX)
Pendapatan Berkanun	XXXXXX
Tolak : Kerugian tahun-tahun sebelum <i>(Subseksyen 43(2) ACP 1967)</i>	(XX)

BELANJA YANG DIBENARKAN

- Perbelanjaan yang dilakukan **sepenuhnya (wholly) dan semata mata (exclusively)** dalam menghasilkan pendapatan.
- Perbelanjaan **dibuat dalam tempoh asas** perakaunan perniagaan.
- Dibenarkan tolakan mengikut ACP 1967




BELANJA TIDAK DIBENARKAN

- Perbelanjaan bersifat **modal**
- Belanja bersifat **peribadi dan persendirian**
- Tidak dibenarkan sebagai tolakan di bawah S39 ACP 1967

BELANJA YANG DIBENARKAN

- ✓ Sewa premis perniagaan
- ✓ Kos penyelenggaraan premis & peralatan perniagaan
- ✓ Gaji/ bonus / EPF/ PERKESO pekerja
- ✓ Belanja keraian perniagaan
- ✓ Bayaran pengiklanan, percetakan dan alat tulis
- ✓ Perbelanjaan pengangkutan awam dan belanja perjalanan berkaitan perniagaan



BELANJA TIDAK DIBENARKAN

- ✗ Belanja peribadi
- ✗ Gaji pemilik tunggal/ rakan kongsi
- ✗ Bayaran denda kerana melanggar undang-undang
- ✗ Bil perubatan, cukai pendapatan dan insurans peribadi
- ✗ Derma & Hadiah kepada bukan pelanggan
- ✗ Kos pembelian aset tetap
- ✗ Pembayaran balik pinjaman yang diambil untuk tujuan perniagaan

PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN	
Untung Bersih	XXXXXX
Tambah : Belanja tidak dibenarkan	XXX
Tolak: Potongan cukai dua kali	(XXX)
	XXXXXX
Tolak : Elaun Modal	(XX)
Pendapatan Berkanun	XXXXXX

JENIS ASET	ELAUN PERMULAAN	ELAUN TAHUNAN
Jentera berat/kenderaan bermotor	20	20
Loji dan jentera	20	14
Komputer dan peralatan ICT	20	40
Lain-lain	20	10
Aset bernilai kecil (Nilai aset ≤ RM1,000 dan jumlah aset ≤ RM10,000)	100	-

Syarat-syarat kelayakan tuntutan Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan berhubung dengan sesuatu aset bagi suatu tahun taksiran:

Elaun Permulaan (EP) :


- Menjalankan perniagaan dalam tempoh asas
- Melakukan PYL dalam tempoh asas
- Aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya, dan
- Pada akhir tempoh asas (atau jika aset itu dilupuskan, pada masa pelupusan) beliau adalah pemilik aset itu.

Elaun Tahunan (ET) :

- Menjalankan perniagaan dalam tempoh asas
- Melakukan PYL dalam tempoh asas
- Aset itu digunakan bagi tujuan perniagaannya, dan
- Pada akhir tempoh asas, beliau adalah pemilik aset dan aset itu masih digunakan dalam perniagaannya

**PERBELANJAAN YANG LAYAK DAN
PENGIRAAN ELAUN MODAL**

KETETAPAN UMUM NO. 6/2015



PELEPASAN INDIVIDU



**SUAMI/ISTERI/ALIMONI
KEPADA BEKAS ISTERI**
RM4,000



**INDIVIDU DAN
SAUDARA
TANGGUNGAN**
RM9,000



**YURAN PENGAJIAN
(SENDIRI)**
RM7,000

I) DI PERINGKAT TERTIARI SELAIN
SARJANA ATAU DOKTOR FALSFAH

II) PERINGKAT SARJANA ATAU
DOKTOR FALSFAH

III) KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN
ATAU KEMAJUAN DIRI
(TERHAD RM2,000)



**POTONGAN
TAMBAHAN**

**INDIVIDU
KURANG UPAYA**
RM6,000

**SUAMI / ISTERI
KURANG UPAYA**
RM5,000

INSURANS & CARUMAN



**SKIM PERSARAAN
SWASTA DAN
ANUITI TERTANGGUH**
RM3,000



**INSURANS PENDIDIKAN
DAN PERUBATAN
(INDIVIDU, SUAMI, ISTERI
ATAU ANAK)**
RM3,000



**SSPN
(TABUNGAN BERSIH)**
RM8,000



INSURANS NYAWA DAN KWSP
RM7,000

I) PREMIUM INSURANS NYAWA /
CARUMAN KWSP (SUKARELA) /
KEDUA-DUANYA
(TERHAD RM3,000)

II) CARUMAN KWSP
(SUKARELA / WAJIB) /
SKIM YANG DILULUSKAN
(TERHAD RM4,000)



**PERKESO /
SISTEM INSURANS
PEKERJAAN**
RM350

GAYA HIDUP

**GAYA HIDUP
RM2,500**

MANFAAT DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK

- I) PEMBELIAN ATAU LANGGANAN BAHAN BACAAN
- II) PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR / TABLET
- III) BIL LANGGANAN INTERNET (NAMA SENDIRI)
- IV) YURAN KURSUS PENINGKATAN KEMAHIRAN / KEMAJUAN DIRI



PEMASANGAN / SEWAAN / PEMBELIAN / YURAN
LANGGANAN KEMUDAHAN PENGECAKAN
KENDERAAN ELEKTRIK BAGI
KENDERAAN SENDIRI

RM2,500



**GAYA HIDUP -
PELEPASAN TAMBAHAN
MANFAAT DIRI SENDIRI,
PASANGAN, ATAU ANAK
RM1,000**

- I) PEMBELIAN PERALATAN SUKAN
- II) SEWAAN / FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN
- III) FI PENDAFTARAN PERTANDINGAN SUKAN
- IV) FI KEAHLIAN GIMNASIUM / LATIHAN SUKAN

PERUBATAN & KEPERLUAN KHAS



**PERBELANJAAN PERUBATAN
RM10,000**

(DIRI SENDIRI, PASANGAN
ATAU ANAK)

- I) PENYAKIT SERIUS
- II) RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)
- III) PEMVAKSINAN (TERHAD RM1,000)
- IV) PEMERIKSAAN DAN RAWATAN PERGIGIAN (TERHAD RM1,000)

TERHAD RM1,000 BAGI:

- ✓ PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH;
- ✓ UJIAN PENGESANAN COVID-19; DAN
- ✓ PEMERIKSAAN KESIHATAN MENTAL / KONSULTANSI

- V) DIAGNOSIS / INTERVENSI AWAL / PEMULIHAN ANAK KURANG UPAYA PEMBELAJARAN (TERHAD RM4,000)




**PERBELANJAAN
UNTUK IBU BAPA
RM8,000**

- I) PERBELANJAAN RAWATAN PERUBATAN, RAWATAN PERGIGIAN, KEPERLUAN KHAS DAN PENJAGA
- II) PEMERIKSAAN PERUBATAN PENUH (TERHAD RM1,000)



**PERALATAN SOKONGAN
ASAS OKU
(DIRI SENDIRI, PASANGAN,
ANAK ATAU IBU BAPA)
RM6,000**



PELEPASAN ANAK



PELEPASAN TAMBAHAN ANAK KURANG UPAYA **RM8,000**

- I) UMUR 18 TAHUN KE ATAS
- II) BELUM BERKAHWIN
- III) BELAJAR SEPENUH MASA (DIPLOMA DAN KE ATAS DI MALAYSIA / IJAZAH DAN KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



ANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN BELUM BERKAHWIN **RM2,000**



ANAK KURANG UPAYA BELUM BERKAHWIN **RM6,000**



ANAK - 18 TAHUN DAN KE ATAS

RM2,000

- I) BELUM BERKAHWIN
- II) BELAJAR SEPENUH MASA

RM8,000

- I) BELUM BERKAHWIN
- II) BELAJAR SEPENUH MASA (DIPLOMA DAN KE ATAS DI MALAYSIA / IJAZAH DAN KE ATAS DI LUAR MALAYSIA)



YURAN TASKA / TADIKA BERDAFTAR **RM3,000**

- I) BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH
- II) DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI



PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN **RM1,000**

- I) PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA
- II) ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN
- III) POTONGAN SEKALI SETIAP 2 TAHUN TAKSIRAN

Dikemaskini sehingga : 17 Disember 2024



BUKAN PEMASTAUTIN

Kadar cukai bagi individu bukan pemastautin adalah sebanyak 30% tanpa mengambil kira banjaran pendapatan individu tersebut.

JADUAL CUKAI BAGI INDIVIDU PEMASTAUTIN TAHUN TAKSIRAN 2024				
KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI	PENGIRAAN RM	KADAR %	CUKAI RM
A	0 - 5,000	5,000 pertama	0	0
B	5,001 - 20,000	5,000 pertama 15,000 berikutnya	1	0 150
C	20,001 - 35,000	20,000 pertama 15,000 berikutnya	3	150 450
D	35,001 - 50,000	35,000 pertama 15,000 berikutnya	6	600 900
E	50,001 - 70,000	50,000 pertama 20,000 berikutnya	11	1,500 2,200
F	70,001 - 100,000	70,000 pertama 30,000 berikutnya	19	3,700 5,700
G	100,001 - 400,000	100,000 pertama 300,000 berikutnya	25	9,400 75,000
H	400,001 - 600,000	400,000 pertama 200,000 berikutnya	26	84,400 52,000
I	600,001 - 2,000,000	600,000 pertama 400,000 berikutnya	28	136,400 392,000
J	2,000,000	2,000,000 pertama		528,400
	Melebihi 2,000,000	Setiap ringgit berikutnya	30	

1 REBAT INDIVIDU/ PASANGAN

- Individu: Rebat RM400
- Pasangan: Tambahan Rebat RM400
– Individu pasangan tiada punca pendapatan
- **Syarat Kelayakan:** Pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000 setahun.

2 REBAT ZAKAT

- Bayaran zakat atau fitrah terhadap kepada jumlah cukai kena bayar.

3 REBAT LEVI PELEPASAN

Levi pelepasan bagi perjalanan umrah/ perjalanan tujuan keagamaan agama lain, terhadap kepada dua (2) kali perjalanan seumur hidup.


Negara / Kelas	Negara ASEAN		Selain negara ASEAN	
	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi	Kelas ekonomi	Selain kelas ekonomi
Kadar levi pelepasan	RM8	RM50	RM20	RM150

JENIS ENTITI	PENERANGAN ENTITI PERNIAGAAN	NO. TIN	BORANG NYATA	TARIKH AKHIR PENGEMUKAAN
MILIKAN TUNGGAL	Individu yang menjalankan perniagaan	IG	e-B	Sebelum/pada 30 Jun dalam tahun taksiran berikutnya
PERKONGSIAN	Perniagaan yang dijalankan secara perkongsian	D	e-P	
MAJIKAN	Perniagaan yang menggaji pekerja	E	e-E	Sebelum/pada 31 Mac dalam tahun taksiran berikutnya
SYARIKAT	Perniagaan Sdn. Bhd. dan Bhd.	C	e-C	Dalam tempoh 7 bulan dari tarikh tutup tempoh perakaunan
PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)	Perniagaan yang dijalankan secara perkongsian, liabiliti rakan kongsi adalah terhadap	PT	e-PT	
KOPERASI	Pertubuhan/ Badan yang didaftarkan dengan akta tertentu	CS	e-C1	

JENIS PERNIAGAAN	MILIKAN TUNGGA	PERKONGSIAN	PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)	SYARIKAT	KOPERASI
JENIS BORANG					
Borang Pelaporan Cukai	e-B	e-B	e-B	e-C	e-C1
Borang Maklumat Rakan Kongsi		e-P	e-PT		
Borang Maklumat Pekerja*	e-E (jika ada)	e-E (jika ada)	e-E	e-E	e-E

*Bermula 2019 – Syarikat, PLT dan Koperasi wajib kemukakan borang e-E, walaupun tidak menggaji pekerja.

- 1 Log Masuk **MyTax**
- 2 Klik **Perkhidmatan EzHasil**
- 3 Pilih **e-Filing**
- 4 Pilih **e-Borang**
- 5 Pilih jenis borang **e-B** dan **tahun taksiran**



Individu Pemastautin

e-BE Tiada Punca Pendapatan Perniagaan	Tahun Taksiran ▼
e-B 5 Pilih jenis borang e-B Ada Punca Pendapatan Perniagaan	5 Tahun Taksiran ▼ Pilih tahun taksiran
e-BT Pekerja Berpengetahuan atau Bukan Warganegara Memegang Jawatan Utama atau Pekerja Berkepakaran (Program Kepulangan Pakar) yang telah diluluskan oleh Menteri - rujuk P.U (A) 344/2010 atau P.U.(A) 151/2012 di Portal Rasmi LHDNM	Tahun Taksiran ▼

PENALTI akan **DIKENAKAN** bergantung kepada:
Tempoh selepas tarikh ditetapkan/lanjutan
masa yang dibenarkan:

PENALTI akan **DIKIRA**:
Dikira atas jumlah cukai dikenakan

Sehingga 12
bulan
15%

Melebihi 12 bulan hingga
24 bulan
30%



Melebihi 24
bulan
45%



TANGGUNGJAWAB CUKAI

Bayar cukai pendapatan

Selepas melaporkan pendapatan, pembayar cukai perlu membuat bayaran cukai (sekiranya ada) dengan menggunakan Perkhidmatan ByrHASiL melalui (https://byrhasil.hasil.gov.my/HITS_EP/)



KENAIKAN akan **DIKENAKAN** bergantung kepada:
tempoh selepas tarikh ditetapkan/ lanjutan
masa yang dibenarkan:

10% Kenaikan daripada
cukai yang kena bayar



SENARIO PERCUKAIAN


Individu Berpendapatan Perniagaan

SENARIO 1



Imran merupakan *freelance software developer* yang menawarkan perkhidmatannya secara dalam talian. Kebanyakan pelanggannya adalah dari luar Malaysia dan bayaran yang diterima dikreditkan ke akaun bank di Malaysia.

Adakah Imran perlu melaporkan pendapatan di Malaysia memandangkan bayaran yang diterima kebanyakannya dari luar negara?



Bayaran yang diterima daripada jualan dalam talian tersebut adalah dikenakan cukai di Malaysia, tidak kira sama ada pembeli dari Malaysia atau luar Malaysia.




Imran hendaklah melaporkan pendapatan yang diperolehi dan menyimpan semua dokumen sokongan dengan teratur, agar pelaporan dapat dibuat dengan tepat.

SENARIO 2



Danial merupakan seorang Ejen Insurans. Beliau menggunakan kenderaan peribadi dan adakalanya beliau menggunakan perkhidmatan e-hailing untuk bertemu dengan pelanggan.

Memandangkan Danial menggunakan kedua-duanya (kenderaan peribadi dan perkhidmatan e-hailing), Danial boleh menuntut kos penyelenggaraan kenderaan dan bayaran e-hailing semasa mengira pendapatan perniagaan beliau.



Perlu diberi perhatian, kos penyelenggaraan kenderaan persendirian adalah tidak dibenarkan walaupun ia digunakan untuk tujuan menghasilkan pendapatan perniagaan. Sebaliknya, bayaran menggunakan perkhidmatan e-hailing untuk tujuan perniagaan boleh dituntut sebagai perbelanjaan perniagaan. Danial dikehendaki menyimpan resit dan merekodkan tujuan dan butiran perjalanan.



SENARIO 3



Danial hanya boleh menuntut belanja yang dilakukan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan sahaja. Bahagian bayaran makan sendiri dianggap sebagai perbelanjaan persendirian.

Contoh: Makanan pelanggan – RM150 (dibenarkan), manakala makanan sendiri – RM100 (tidak boleh dituntut). Perlu diberi perhatian, selain daripada menyimpan resit, pc perlu merekodkan butiran semua belanja keraian yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan perniagaan.

Sebagai seorang Ejen Insuran, Danial membelanjakan RM250.00 untuk makan bersama dengan pelanggan saya di sebuah restoran.


Beliau telah menyimpan resit dan menuntut jumlah penuh sebagai perbelanjaan keraian.

SENARIO 4



Imran sering menggunakan kad kredit untuk pembayaran apabila saya membeli alat tulis yang digunakan untuk perniagaannya.

Imran juga menyimpan penyata kad kredit bulanan sebagai bukti untuk menuntut perbelanjaan perniagaan saya. Adakah ini mencukupi?




Penyata kad kredit bulanan sahaja tidak mencukupi untuk membuktikan tuntutan perbelanjaan alat tulis tersebut.

Imran juga harus menyimpan rekod sumber (resit asal) semasa menuntut perbelanjaan perniagaan sebagai rekod tambahan kepada penyata kad kredit.



SENARIO 5



Alex merupakan seorang kontraktor pengubahsuaian. Perniagaan beliau memerlukan mempunyai peralatan, bahan dan pelbagai barangan lain.

Untuk memudahkan pelaporan pendapatan dan mengurangkan penyimpanan resit, adakah Alex boleh melaporkan hasil bersih selepas tolakan belanja?

Dengan mengandaikan jualan perniagaan Alex pada tahun 2024 adalah RM200,000. Hasil kasar (iaitu jumlah penerimaan kasar) yang diterima perlu dilaporkan dalam Borang B pada Bahagian N: AKAUN PERDAGANGAN, UNTUNG DAN RUGI, baris N3: Jualan atau perolehan.

Perbelanjaan berkaitan perniagaan yang dibenarkan sebagai potongan pula dilaporkan pada bahagian yang sama, baris N15-N24.

BAHAGIAN N:		MAKLUMAT KEWANGAN ORANG P	
N1	Nama perniagaan		
N2	Kod perniagaan		
N2a	Jenis aktiviti perniagaan		
AKAUN PERDAGANGAN, UNTUNG DAN RUGI			
N3	Jualan atau perolehan		.00
TOLAK:			
N4	Stok awal		.00
N5	Belian dan kos pengeluaran		.00
N6	Stok akhir		.00
N7	Kos jualan (N4 + N5 – N6)		.00
N8	UNTUNG / RUGI KASAR (N3 – N7)		.00
▲ (Tandakan 'X' jika negatif)			
PENDAPATAN LAIN:			
N9	Perniagaan lain		.00
N10	Dividen		.00
N11	Faedah dan diskaun		.00
N12	Sewa, royalti dan premium		.00
N13	Pendapatan lain		.00
N14	JUMLAH (N9 hingga N13)		.00
PERBELANJAAN:			
N15	Faedah pinjaman		.00
N16	Gaji dan upah		.00
N17	Sewa / pajakan		.00
N18	Kontrak dan subkontrak		.00
N19	Komisen		.00
N20	Hutang lapuk		.00
N21	Perjalanan dan pengangkutan		.00
N22	Pembaikan dan penyelenggaraan		.00
N23	Promosi dan iklan		.00
N24	Perbelanjaan-perbelanjaan lain		.00
N25	JUMLAH PERBELANJAAN (N15 hingga N24)		.00
N26	UNTUNG / RUGI BERSIH		.00

SENARIO 6

Alisha merupakan
seorang *freelance*
artist.

Oleh kerana Alisha
tiada majikan dan juga
tidak memiliki
perniagaan sendiri,
adakah Alisha perlu
melaporkan
pendapatan di bawah
bahagian "Apa-apa
perolehan atau
keuntungan lain"
dalam Borang B?



Alisha perlu melaporkan pendapatan di bawah "Pendapatan
berkanun perniagaan punca Malaysia" dan bukan pada baris
"Perolehan atau keuntungan lain".

Selain itu, beliau perlu memperincikan hasil, untung/ rugi kasar,
perbelanjaan perniagaan yang dibenarkan dan untung/ rugi
larasan, jika berkenaan pada BAHAGIAN N, Borang Nyata B.



BAHAGIAN B:		PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN			
B1	Pendapatan berkanun perniagaan punca Malaysia	B1a	Bilangan perniagaan		B1
B2	Pendapatan berkanun perkongsian punca Malaysia	B2a	Bilangan perkongsian		B2
B3	Pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia (Amaun dari E4)				B3
B4	Agregat pendapatan berkanun perniagaan (B1 + B2 + B3)				B4
B5	TOLAK: Rugi perniagaan bawa hadapan (Terhad kepada B4)				B5
B6	JUMLAH (B4 – B5)				B6
B7	Pendapatan berkanun penggajian punca Malaysia	B7a	Bilangan penggajian		B7
B8	Pendapatan berkanun sewa punca Malaysia				B8
B9	Pendapatan berkanun faedah, diskaun, royalti, premium, pencen, anuiti, bayaran berkala lain, apa-apa perolehan atau keuntungan lain dan tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c) punca Malaysia				B9
B10	Pendapatan berkanun lain punca luar Malaysia yang diterima di Malaysia (Amaun dari F4)				B10
B11	PENDAPATAN AGREGAT (B6 + B7 + B8 + B9 + B10)				B11
B12	TOLAK: Pelaburan yang diluluskan di bawah insentif cukai bagi pelabur mangkin (Terhad kepada B11)				B12
B13	JUMLAH [B11 – B12] (Isi '0' jika nilai negatif)				B13
B14	TOLAK: Rugi perniagaan tahun semasa (Terhad kepada B13)				B14
B15	JUMLAH [B13 – B14] (Isi '0' jika nilai negatif)				B15



SEBELUM KELUAR NEGARA

PASTIKAN ANDA
MEMBUAT SEMAKAN DI


<https://sspi.imi.gov.my/sspi/>



WASPADA ANCAMAN SCAMMERS

SEKAT NOMBOR DAN JANGAN BALAS
MESEJ YANG MENCURIGAKAN

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA



PERHATIAN !!!

***Pihak HASiL tidak pernah
menghantar maklumat teks
menggunakan nama
Ketua Pegawai Eksekutif
HASiL menerusi aplikasi
WhatsApp.***

SOAL SELIDIK KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN DAN KESEDARAN CUKAI HASIL

IMBAS
KOD QR



Kami amat berbesar hati sekiranya tuan/puan dapat memberikan maklum balas terhadap pelaksanaan program agar kualiti program dapat diselarikan dengan visi dan misi HASIL.

TERIMA KASIH

